

Tingkah Laku Berisiko

Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Artikel ini membincangkan tentang tingkah laku berisiko dikalangan pelajar. Tingkah laku berisiko ini termasuklah penyalahgunaan dadah, berjudi, penggunaan tembakau dan alkohol, keganasan dan aktiviti seks bebas.

Katakunci : tingkah laku berisiko

Tingkah Laku berisiko

Ramai para psikologi percaya yang perkara utama remaja inginkan adalah mempunyai personaliti yang berasingan dari ibu bapa mereka (Keating, 1990). Salah satu cara untuk mencapai hasrat tersebut menyebabkan remaja terjebak dalam tingkah laku yang tidak seiring dengan nilai dan norma ibu bapa dan masyarakat. Jessor (1992) berkata bahawa tingkah laku berikut selalu “befungsi, bertujuan, penting dan berhala tuju”, dalam membantu remaja berpisah dari ibu bapa dan menjadi lebih dekat dengan rakan rakan. Walaupun sebahagian dari tingkah laku ini tidak membahayakan seperti fesyen pakaian dan rambut, tetapi kebanyakannya membawa kepada peningkatan hasil yang tidak dijangkakan, sesetengahnya juga menyebabkan perubahan hidup yang serius. Tingkah laku ini sering dikaitkan dengan tingkah laku berisiko dan termasuk penyalahgunaan dadah, berjudi, penggunaan tembakau dan alkohol, keganasan dan aktiviti seks bebas. Kajian yang berlainan mendefinisikan tingkah laku berisiko yang berlainan. Jessor (1992), sebagai contoh, menambah diet yang tidak sihat, kurang senaman, dan kedegilan menggunakan alatan keselamatan kereta sebagai tingkah laku berisiko, tetapi tidak memasukkan berjudi, atau perlakuan ganas sebagai tingkah laku berisiko. Lerner dan Simi (2000) memasukkan dadah dan penggunaan alkohol, gejala seks bebas, jenayah dan keganasan, dan juga pencapaian sekolah yang tidak bagus.

Mengenalpasti kepentingan hasil dari tingkah laku berisiko remaja , pengkaji mempunyai peluang untuk mendedahkan kemungkinan yang dikenalpasti . Bukti menunjukkan terdapat beberapa faktor seperti pengaruh rakan sebaya dan pengaruh melihat perbuatan berisiko rakan, pengaruh ibu bapadan pengaruh masyarakat dan deviant dilihat dapat mempengaruhi keputusan remaja untuk terlibat atau tidak dalam tingkah laku berisiko (Byrnes, 2002; Jessor, 1992; Lerner & Simi, 2000). Bagaimanapun, dinamik perhubungan antara factor kognitif individu dan tingkah laku berisiko masih kabur (Furby & Beyth-Marom, 1992).

Ponteng sekolah bukan sekadar masalah disiplin di kalangan pelajar, tetapi persoalannya lebih besar, antaranya ke mana dan apakah yang mereka buat sepanjang waktu melakukan salah

laku itu serta akibatnya. Daripada lapan jenis salah laku disiplin disenaraikan Kementerian Pelajaran, ponteng berada di tangga kedua terbanyak selepas kurang sopan, diikuti berunsur jenayah, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, laku musnah dan berunsur kelucuhan. Berdasarkan pengalaman lalu, akibat pelajar ponteng bukan saja ketinggalan dalam pelajaran, malah lebih teruk lagi termasuk terbabit gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak.

Rekod Kementerian Pelajaran 2007 menunjukkan 21,060 pelajar (0.39 peratus) dikesan ponteng sekolah, manakala 24,840 pelajar (0.46 peratus) pada tahun sebelumnya.

Selain ponteng, salah laku pelajar kurang sopan seperti merokok, tidak hormat guru dan pengawas serta berbahasa kesat adalah kesalahan paling banyak berlaku di sekolah membabitkan 23,220 kes (0.43 peratus) tahun lalu dan 19,980 kes (0.37 peratus) pada 2006. Kesalahan berunsur jenayah seperti mencuri, mencederakan pelajar, bergaduh dan pukul juga antara kes banyak dicatatkan di sekolah iaitu 18,900 (0.35 peratus) tahun lalu dan 18,360 (0.34 peratus) pada 2006. Isu lewat ke sekolah atau tidak pentingkan masa juga agak ketara dengan rekod 18,360 pelajar (0.34 peratus) terbabit tahun lalu dan 15,120 pelajar (0.28 peratus) pada tahun sebelumnya. Masalah kenakalan pelajar seperti membawa telefon bimbit ke sekolah mencatatkan penurunan kes agak ketara iaitu daripada 15,120 pada 2006 kepada 8,640 kes tahun lalu. Kesalahan laku musnah seperti merosakkan kemudahan atau menconteng di bangunan sekolah juga berkurangan daripada 3,780 kes pada 2006 kepada 3,240 kes tahun lalu. Kes salah laku disiplin berunsur kelucuhan termasuk membuat bahasa isyarat, lukisan serta menggunakan perkataan tidak senonoh mencatat jumlah sama pada 2006 dan tahun lalu, iaitu 2,700 kes.

Statistik kementerian mengenai salah laku disiplin pelajar dalam tempoh 2003 hingga 2007 mencatatkan kadar purata dua peratus, manakala kes jenayah yang diteliti menerusi rekod polis pada kadar purata 0.03 peratus. Walaupun jumlah kes disiplin pelajar negara ini jauh lebih rendah berbanding negara lain, Kementerian Pelajaran tetap menganggap ia isu yang perlu ditangani secara serius.

Kebanyakan takrifan mengenai remaja lebih menumpukan perhatian kepada 'orang muda'. Dalam masyarakat Barat, remaja dirujuk kepada tahap perkembangan seseorang apabila bermulanya saat puberti (cukup umur), iaitu kira-kira pada usia antara dua belas ataupun tiga belas tahun dan berterusan sehingga mencecah kehidupan dewasa.

Tidak kurang juga sebilangan orang yang memahami remaja berdasarkan pengaruh televisyen, media cetak dan sebagainya. Atas sebab itu, setiap kali perkataan remaja disebut, masyarakat umumnya lebih senang untuk mengaitkan remaja dengan pelajar sekolah. Untuk lebih memudahkan, ada yang mengaitkan remaja sebagai golongan masyarakat yang berusia belasan tahun sahaja. Malah pengkajian mengenai pertumbuhan remaja secara lebih bermakna

dikatakan hanya bermula pada abad ke-20 (Hamburg, 197). Sebagai satu istilah, 'remaja' merupakan tempoh kehidupan yang sangat penting dalam putaran hayat seseorang. Berdasarkan padanan perkataan Inggeris, adolescence, 'remaja' dirujuk kepada tempoh peralihan antara zaman kanak-kanak dengan zaman kedewasaan dalam kehidupan seseorang. Dalam huraian yang mudah, remaja menggambarkan tahap perkembangan pesat yang berlaku antara kehidupan kanak-kanak dan kedewasaan.

Delinkuensi, atau kenakalan remaja pula merujuk kepada perilaku tidak dewasa yang melanggar norma-norma yang ditetapkan oleh badan pengawal (sama ada masyarakat atau kerajaan). Ada juga yang berpendapat, misalnya oleh rice, (1990 *The Adolescent*, Massachusetts: Allyn & Bacon, hal. 268), bahawa delinkuensi atau kenakalan merupakan perilaku bertentangan dengan undang-undang jenayah yang dilakukan oleh juvena, yang di kebanyakan negara, berusia di bawah 18 tahun. Menurut perspektif undang-undang, istilah delinkuensi juvena dimaksudkan kepada penceroboh undang-undang yang masih muda bagi mengelakkan mereka diberikan status penjenayah dan juga untuk mengasingkan mereka yang di bawah umur daripada disamakan dengan penjenayah dewasa.

Seks bebas dan jenayah seksual di kalangan pelajar kini semakin menular dan membimbangkan kita terutamanya pelajar di kawasan bandar dan kota . Apa yang menyedihkan kita ialah penglibatan mereka mula dikesan seawal usia 13 tahun ketika mereka mereka berada di tingkatan satu dan dua. Seorang guru disiplin di sebuah sekolah menengah mendedahkan bahawa beliau menemui kondom yang disimpan dalam beg oleh pelajar wanita di sebuah sekolah di Taman Melawati, Kuala Lumpur. Kondom itu ditemui ketika pemeriksaan mengejut dilakukan di sekolah tersebut Peningkatan pembabitan remaja perempuan dalam aktiviti maksiat juga adalah satu lagi petanda bahawa keruntuhan akhlak remaja di Malaysia bertambah serius (Berita Harian , 12 Julai 2001).

Seorang guru di sebuah sekolah di Kuala Lumpur mendedahkan bahawa beliau pernah membuat tinjauan di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) pada waktu malam dan merasa sungguh terkejut kerana mendapati pelajarannya, lelaki dan perempuan meneguk minuman keras tanpa segan silu di khalayak ramai. Beliau juga mendedahkan terdapat seorang pelajar wanita di sekolahnya terlibat dalam pengedaran pil ecstasy. Pelajar terbabit kerap ponteng sekolah dan apabila disiasat , pihak sekolah mendapati pelajar itu adalah ketua pengedar pil ecstasy di sekolah itu (Berita Harian , 12 Julai 2001) .

Menurut Ketua Siasatan Jenayah Polis Kuala Lumpur, (Datuk Mat Zain Ibrahim, 2007) jenayah seksual di kalangan pelajar terutamanya di sekitar Kuala Lumpur semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Di antara jenayah seksual yang mereka lakukan seperti mencabul kehormatan , merogol dan juga pelacuran . Mangsa yang dicabul oleh mereka bukan sahaja pelajar wanita tetapi juga wanita-wanita dewasa. Selain jenayah seksual, beliau mendedahkan

mengenai masalah seks rambang, hamil luar nikah dan pelacuran dikalangan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Menurutnya, sehingga bulan Jun tahun ini, seramai 141 gadis bawah umur berjaya diselamatkan daripada kancah pelacuran dan kegiatan seks haram di seluruh negara dan sepanjang tahun lalu pula seramai 230 remaja bawah umur yang terlibat berjaya diselamatkan dan dihantar ke pusat pemulihan akhlak.

Rujukan

- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research*. Educational and Psychological Measurements, 30, 607-610.
- Lemert, E.M. (1972). *Human Deviance : Social Problems and Social Control*. Eaglewood Cliffs, N.J. : Prentice Hall.
- Beyth-Marom, R., & Fischhoff, B. (1997). Adolescents' decisions about risks: A cognitive perspective. In J. Schulenberg, J. Maggs, & K. Hurrelmann (Eds.), *Health risks and developmental transitions during adolescence* (pp. 110-135). Cambridge, MA: Cambridge University Press.
- Foster, E., dan Clark, F.S. (1989). *Parental Influences on Adolescent Problem Behaviour: Mediation and Moderation Models Involving Deviant Peers*. Journal of Family Psychology, 3, 39-60.
- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. Developmental Psychology, 32, 777-780.